

06 NOV 1999

MAHATHIR BERI PENGHORMATAN TERAKHIR KEPADA ALEX LEE

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Datuk Alex Lee, bekas Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di kediaman keluarga mendiang di Jalan Langgak Golf, di sini.

Ketibaan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah di kediaman mendiang disambut oleh isteri mendiang, Datin Irene Jucker serta tiga anak mereka iaitu Christopher, Anthony dan Patrick.

Perdana Menteri dan isteri bertafakur sejenak sebagai penghormatan kepada mendiang, yang semasa hayatnya turut berkhidmat sebagai naib presiden Majlis Olimpik Malaysia dan Presiden Persatuan Skuasy Reket Malaysia.

Mereka berdua kemudian meluangkan sedikit masa untuk berbicara dengan Irene dan anak-anaknya sebelum berangkat pulang.

Lee, 60 tahun, meninggal dunia akibat komplikasi semasa menyertai aktiviti menyelam skuba di Papua New Guinea pada Ahad lepas.

Turut memberi penghormatan terakhir kepada mendiang sebelum itu ialah Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan isteri serta Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang.

Mayat mendiang Lee akan dibawa ke Cheras Crematorium untuk upacara pembakaran esok.

-- BERNAMA
NLY HS RHM